

Isu dedah kutipan tol ke Kabinet

BH - 10/11/2007

Seri Intan Othman
di New Delhi



PERSETUJUAN Kabinet diperlukan terlebih dulu sebelum syarikat konsesi lebuhraya boleh mendedahkan perolehan kutipan tol dan jumlah kenderaan yang menggunakan lebuhraya mereka, kata Menteri Kerjaraya Datuk Seri S Samy Vellu.

Beliau berkata, ketika ini butiran

terperinci termasuk perolehan pemegang konsesi dimaklumkan kepada kerajaan oleh syarikat terbabit.

"Saya akan bawa perkara itu kepada Kabinet sama ada kita boleh membenarkan pemegang konsesi lebuhraya mendedahkan jumlah dan angka itu. Jika Kabinet bersetuju, kita minta syarikat terbabit mengeluarkan butirannya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas membentangkan kertas kerja pada persidangan Pravasi Bharativa Divas Kelima, iaitu perhimpunan masyarakat keturunan India berasal dari negara itu yang tinggal di luar negara. Persidangan tiga hari itu yang berakhir semalam dihadiri kira-kira 1,200 delegasi dari 50 negara seluruh dunia.

Samy Vellu mengetuai delegasi Malaysia seramai 120 orang termasuk pemimpin MIC, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan ahli perniagaan ke persidangan tahunan itu.

Beliau diminta mengulas kenyata-

an bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kelmarin yang meminta syarikat konsesi lebuhraya menyatakan butiran jumlah kutipan tol mereka kepada umum bagi memuaskan hati orang ramai berhubung kenaikan kadar tol di lebuhraya.

Kerajaan membenarkan lima syarikat konsesi di sekitar Lembah Klang menaikkan kadar tol antara 30 dan 70 peratus mulai 1 Januari lalu.

Mengulas lanjut, Samy Vellu berkata, ketika ini syarikat konsesi mendedahkan butiran perolehan kutipan kepada pemilik saham selain mempertikaikan dakwaan pembangkang yang mendakwa mempunyai maklumat butiran itu.

"Jika benar (mereka miliki) beritahu butiran terperinci mengenai kerana ia boleh dipertikaikan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan mendapatkan maklum balas Peguam Negara untuk memastikan sama ada butiran itu sulit atau sebaliknya.

"Jika ia fail sulit, tindakan un-

dang-undang wajar diambil terhadap pembangkang terbabit," katanya.

Mengenai kenaikan tol yang masih menjadi isu, Samy Vellu berkata, perkara itu sudah diputuskan Kabinet selain termaktub dalam perjanjian dengan syarikat konsesi.

"Jika kita tidak menaikkan kadar tol, kerajaan terpaksa membayar sejumlah besar wang kepada syarikat konsesi terbabit dan juga wang rakyat, jadi perkara ini tidak sepatutnya dijadikan isu lagi," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, Malaysia meminta India memberi kelonggaran kelulusan bagi projek yang hendak dilaksanakan.

Katanya, ketika ini syarikat yang mendapat kelulusan pembiayaan kewangan bank Malaysia bagi projek yang akan dikendalikan di India, perlu mendapat kelulusan di India.

Samy Vellu juga mencadangkan Kerajaan India hanya membenarkan lima atau enam syarikat layak dari segi kewangan dan kepakaran mengemukakan tender bagi projek penting.